

## **BAB II**

### **LATAR BELAKANG DANIEL DJUNED**

#### **2.1 Pengenalan**

Sebelum menyelongkar sumbangan ilmiah seseorang tokoh, penulis dikehendaki untuk menyelami terlebih dahulu latar belakang serta sejarah kehidupan tokoh berkenaan. Apatah lagi tokoh yang tengah diperkenalkan itu seorang ahli agama yang mewarisi tradisi kealiman para nabi. Pengiktirafan semula tentang pengaruh keluarga, alam perdidikan dan persekitaran serta karya-karya intelektual amatlah penting, kerana ianya menjadi pintu utama sebelum penulis memasuki wilayah atau bidang kepakaran tokoh tersebut. Selain itu, apabila membincangkan riwayat hidup tokoh-tokoh ilmuwan amatlah berfaedah dan bermanfaat.

Peranannya dalam dunia pendidikan Islam tidak dapat dinafikan. Namun kajian ilmiah terhadap biografi dan latar belakang pendidikan mahupun jawatannya tidak banyak dilakukan sebagaimana tokoh besar Sumatera lainnya. Beliauah Prof. Dr Teuku Daniel Djuned. MA seorang tokoh pendidik dan salah satu tokoh ahli hadith di Sumatera yang tetap menjaga eksistensi ilmu hadith.

Menyedari kepentingan di atas, pada bab yang kedua ini penulis akan cuba mendedahkan sebaik mungkin biografi Daniel Djuned yang mencakupi nama, salasilah keturunan, sorotan terhadap kelahiran dan masa kana-kanak, riwayat kembara ilmu dan pendidikan, para guru serta karya-karya yang terhasilkan oleh beliau semasa hidup dan penjelasan mengenai kewafatan. Semoga Allah S.W.T memberi taufik dan bimbingannya.

Apa yang akan penulis menghuraikan pada latar belakang Daniel Djuned ini adalah hasil dari temu bual daripada isteri beliau yang bernama Nurbiyati bersama anak-anaknya, dan Subki Djuned, salah satu dari adik beliau di Banda Aceh.

## **2.2 Biografi Daniel Djuned**

### **2.2.1 Nama, Kelahiran, dan Latar Belakang Keluarga**

Nama penuh beliau iaitu Prof. Dr. Teuku Daniel Djuned, M.A. beliau dilahirkan pada bulan juni 1954 di Sawang II, Kecamatan Sawang, Kabupaten Aceh Selatan, Provinsi Aceh. Beliau membesar dikawasan kampung sama seperti kanak-kanak lain dibawah jagaan ibu bapa beliau.<sup>1</sup>

Kedua-dua ibu dan bapa beliau mempunyai keturunan yang berbeza. Bapanya bernama Djuned keturunan dari Arab kerana datuknya yang bernama Teuku Djuned Puteh berasal dari Arab dan ibunya Syarifah keturunan dari India. Semua keturunan dari adik beradik beliau terdapat nama Djuned dibelakangnya. Datuk dari ibunya Syarifah bernama Tengku Ishak Jeunib di Biereun adalah seorang tokoh yang sangat mashur di daerahnya.

Daniel Djuned merupakan anak sulung daripada lapan adik beradik. Adik beliau bernama Muslim Djuned merupakan seorang pensyarah di IAIN al-Raniri dan beliau inilah yang sekarang meneruskan perjuangan Daniel Djuned mengajar di IAIN al-Raniri dalam bidang hadith. Seterusnya adik beliau Subki Djuned yang juga bekerja IAIN al-Raniri.

Didalam keluarga, beliau menjadi tulang punggung keluarga iaitu dengan membuka tempat jahit baju. Dari sinilah Daniel Djuned dan adik-beradiknya boleh menyelesaikan kuliahnya.

---

<sup>1</sup> Nurbiyati (Istri), dalam temubual bersama penulis dikediaman Daniel djuned, 30 Januari 2012.

Nama isteri beliau Nurbiyati Ismail yang berasal dari Aceh Selatan dan juga satu kampung dengan Daniel Djuned. Hasil perkongsian hidup Daniel Djuned dan Nurbiyati telah dikaruniakan dengan 7 cahaya mata tetapi 2 dari puteranya meninggal. Kelima putera adalah laki-laki, iaitu puetra yang pertama bernama ahmad Zaki Daniel, al-Afif Daniel, Ahmad Arif Daniel, Ahmad Syakir Daniel, Ahmad Fadhil Daniel. Yang saat ini mereka sedang menyelesaikan pendidikannya masing-masing.

### **2.2.2 Keperibadian**

Seorang yang sangat peduli dan perhatian terhadap keluarga besarnya, sejak dari beliau masih menyelesaikan siswazah secara langsung mahupun tidak langsung sudah membantu adik-beradiknya. Kegiatan beliau sehari-hari selain sebagai pelajar dengan banyaknya kewajipan yang harus dikerjakan, beliau membuka warung jahit untuk menghidupi diri sendiri dan keluarga. Bahkan jika baju ataupun celananya sobek beliaulah yang menjahit. Kerana keluarga beliau adalah keluarga yang sederhana.

Kesederhanaan tersebut tidak menyurutkan semangat dari ayahnya, Djuned, yang mempunyai cita-cita iaitu semua anak-anaknya dapat menyelesaikan siswazah. Untuk menggapai harapan bapanya, Daniel Djunedlah yang membuat kedua orang tua bangga melihat adik beradiknya menyelesaikan pendidikannya.

Secara keperibadian seluruh adik-beradiknya sangat segan akan beliau. Kerana Daniel Djuned sebagai tulang belakang keluarga, semua permasalahan kewangan keluarga menjadi tanggung jawabnya.

Selain keluarganya sendiri, beliau juga sangat peduli dengan saudara jauhnya yang kurang mampu. Ketika beliau sudah berjaya dalam pelbagai hal, Daniel Djuned menanggung pembiayaan saudaranya untuk menyelesaikan sekolahnya dari PMR

sampai selesai ijazah. Saat ini keduanya telah berjaya menjadi guru dan bekerja akademik pasca sarjana IAIN al Raniri.

Dari sisi lain, keperibadian beliau yang kejenakaan, tidak pendendam, dan sangat terbuka kepada siapa pun. Kadangkala orang yang belum begitu mengenalinya akan tersinggung kerana perwatakannya sangat terbuka tetapi jika seseorang dapat memahami sifatnya, seorang tersebut akan terlihat sangat akrab.

Ketegasan dan keberanian Daniel Djuned dalam membuat keputusan membuat beliau semakin disegani. Kerana dalam memutuskan sesuatu beliau merasa dirinya bebas, tidak fanatik terhadap kelompok-kelompok yang ikuti sehingga semakin banyak yang menerima keputusan dan pemikiran dari beliau. Sesuatu yang jarang pada masa ini.

### **2.3 Pendidikan Yang Diterima**

Belajar pertama kalinya dari Madrasah Ibtidaiyah dilanjutkan sekolah di Madrasah Negeri Setingkat Menengah. Kerana didikan orang tuanya yang berasal dari Arab dan India, Daniel Djuned tidak pernah merasakan pendidikan pondok. Lalu beliau melanjutkan Pendidikan Guru Agama (PGA) selama tiga tahun. Setelah menyelesaikan pendidikan guru agama Daniel Djuned melanjutkan kuliahnya di IAIN Al Raniri, Aceh. Daniel Djuned menyelesaikan pendidikan siswazahnya pada tahun 1981 dan menunggu dua tahun untuk pengambilan pascasiswazah di IAIN Jakarta dengan bantuan pendidikan dari program pemerintah pada masa itu iaitu program Surat Perintah Sebelas Maret (Supersemar)<sup>2</sup> pada pertengahan 1984.

---

<sup>2</sup> Basiswa Supersemar adalah salah satu program dari yayasan supersemar yang didirikan oleh H.M Soeharto, presiden Indonesia ke-2, pada tanggal 16 Mei 1974. Yayasan ini bersifat sosial yang bermaksud membantu/membina siswa dan mahasiswa yang cakap, berbakat, dan yang kurang mampu membiayai kelangsungan studinya. Dan yayasan bertujuan membantu pemerintah didalam upaya mencerdaskan kehidupan bangsa. "Basiswa Supersemar", laman sesawang *supersemar*, telah dicapai 6 mei 2013, [www.supersemar.or.id](http://www.supersemar.or.id).

Pada tahun tersebut Daniel Djuned adalah satu-satunya yang melanjutkan program pascasiswazah di Jakarta dengan seleksi yang sangat ketat. Daniel Djuned berhasil menyelesaikan penyaringan dengan baik sehingga diterimanya Daniel Djuned mengikuti kelas PhD tanpa menuliskan tesis daripada pascasiswazah. Selain lulusnya seleksi, nilai dalam pelajaran pun juga lebih tinggi dari rata-rata yang lain. Terlihat jelas kepandaian Daniel Djuned dari pelbagai ilmu pendidikan. Dengan basis dari segi pendidikan formalnya, beliau memperlihatkan dirinya sebagai seorang pemikir.

Daniel Djuned lebih aktif dalam mengikuti diskusi daripada berorganisasi. Menurutnyanya lebih senang berdiskusi menyelesaikan masalah semasa dan selalu belajar untuk mendalami ilmu keagamaan khususnya dibidangnya iaitu ilmu hadith. Bahkan beliau memfasilitasi dengan mengadakan diskusi bersama kawan-kawannya sehingga beliau dianggap sebagai rujukan bagi kawan-kawannya dalam menyelesaikan berbagai permasalahan.

Pelbagai masalah yang dihadapi dalam menyelesaikan program PhDnya akhirnya pada tahun 1989 Daniel Djuned berhasil menyelesaikan dengan baik. Pada masa itulah ketokohan Daniel Djuned mulai muncul dipermukaan.

#### **2.4 Ketokohan Daniel Djuned**

Setelah menyelesaikan program PhD dengan nilai yang cemerlang, sehingga M.Q Shihab mengakui kemahiran beliau khususnya ilmu hadith sehingga memberikan kepercayaan dan merekomendasikan untuk melanjutkan pengajaran dalam bidang hadith khususnya dan juga *ulūm al-Qur'an* di IAIN al-Raniri, sejak saat itu, Daniel Djuned mulai mengajarkan kepakarannya dalam bidang hadith di IAIN al-Raniri, Aceh. Beliau juga menjadi pensyarah di institusi pendidikan PT Arun dengan mengajarkan keagamaan serta ilmu hadith pada tahun 1995 sampai 1998.

Kewibawaan beliau mulai menyerlah ketika menjadi pensyarah dan menunjukkan kapasiti beliau seorang pakar ilmu hadith. Semakin banyak masyarakat dan pelajarnya yang mengenal dan ingin diajarkan secara langsung dengan meminta Daniel Djuned untuk membuka pengajian. Akhirnya beliau membuka pengajian hadith ditempat beliau tinggal iaitu kampung Tanjung Selamat. Selain itu, beliau rajin berceramah hampir diseluruh surau dan masjid di Aceh pernah ia kunjungi. Ketokohan ini membawanya masuk ke media elektronik iaitu di Televisyen Republik Indonesia (TVRI). Sesungguhnya tidaklah mudah untuk masuk dalam media elektronik khususnya TVRI. Dengan ini masyarakat sangat mengakui ketokohnya beliau sebagai ahli hadith dan juga menyukai karakteristik Daniel Djuned kerana keterbukaan dan ketegasan dalam menyampaikannya.

Bukan saja aktif dalam pengajaran sebagai pensyarah ilmu hadith tetapi beliau juga aktif dalam pentadbiran kampus iaitu diangkatnya sebagai Dean Fakulti Usuluddin selama dua periode atau sepuluh tahun. Berkat pemikiran dan pengaruh lingkungannya sangat baik beliau diangkat menjadi Direktur Pascasarjana atau Pascasiswazah dalam satu periode.

Daniel Djuned juga aktif sebagai pembimbing pelajarnya dalam menyelesaikan karya ilmiah untuk siswazah mahupun pascasiswazah khusus dalam bidang hadith. Sangat banyak pemikiran dan pengaruh beliau terhadap pelajar-pelajarnya dalam penulisan tugas akhir masa kuliahnya, menjadikan IAIN al-Raniri pada masa itu banyak menerima pelajar baru yang berminat untuk mendalami ilmu hadith. Jika dilihat dari disiplin ilmu yang lain seperti, Fakulti Ekonomi ataupun Fakulti pendidikan, Fakulti Usuluddin khususnya bidang hadith sangat sedikit peminatnya berbanding kedua fakulti diatas. Kelebihan inilah beliau bisa menyamai peminat yang ingin belajar hadith dengan menunjukkan pentingnya belajar ilmu hadith dimasa dewasa ini.

Ketokohan dikalangan akademisi menjadikan beliau dipercaya dalam Organisasi-organisasi di luar kampus seperti Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh (MPU)<sup>3</sup>, Daniel Duned dipercayai menjadi ketua fatwa di Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh. Organisasi keagamaan Muhammadiyah<sup>4</sup>, beliau menjadi ketua tarjih di Muhammadiyah. Selanjutnya beliau sebagai tim Monitoring Pasca Gempa atau BRR<sup>5</sup>,

---

<sup>3</sup> Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh terbentuk sebagai hasil Musyawarah Ulama Se-Nanggroe Aceh Darussalam pada tanggal 5 Rabiul Akhir 1422 H bertepatan dengan tanggal 27 Juni 2001 M di Banda Aceh dan hingga saat ini telah terbentuk di 23 Kabupaten / Kota dalam provinsi Aceh.

Dengan mempunyai Visi “Terwujudnya peran Ulama dalam pembangunan dan penerapan syariat Islam secara kaffah.” Dan Misi “Meningkatkan peran MPU dalam memberikan pertimbangan, bimbingan, nasehat dan saran dalam penentuan kebijakan Daerah, serta pemantauan terhadap pelaksanaan kebijakan Daerah. Meningkatkan kegiatan penetapan fatwa/hukum syariat Islam. Meningkatkan sumber daya Ulama. Meningkatkan upaya pelaksanaan syariat Islam secara kaffah dalam seluruh aspek kehidupan masyarakat dan mencegah timbulnya kemungkar. Meningkatkan kegiatan penyuluhan.” “Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh”, laman sesawang “*mpu aceh prov*”, dicapai 5 mei 2013, <http://mpu.acehprov.go.id>

<sup>4</sup> Bulan Dzulhijjah (8 Dzulhijjah 1330 H) atau November (18 November 1912 M) lahirnya Muhammadiyah. Sama ada kelahiran sebuah gerakan Islam modernis terbesar di Indonesia, yang melakukan perintisan atau kepeloporan pemurnian sekaligus pembaruan Islam di negeri berpenduduk terbesar muslim di dunia. Sebuah gerakan yang didirikan oleh seorang kyai alim, cerdas, dan berjiwa pembaru, yakni Kyai Haji Ahmad Dahlan atau Muhammad Darwis dari kota santri Kauman Yogyakarta.

Kata “Muhammadiyah” secara bahasa berarti “pengikut Nabi Muhammad”. Penggunaan kata “Muhammadiyah” dimaksudkan untuk menisbahkan (menghubungkan) dengan ajaran dan jejak perjuangan Nabi Muhammad. Penisbahan nama tersebut menurut H. Djarnawi Hadikusuma mengandung pengertian sebagai berikut: “Dengan nama itu dia bermaksud untuk menjelaskan bahwa pendukung organisasi itu ialah umat Muhammad, dan asasnya adalah ajaran Nabi Muhammad saw, yaitu Islam. Dan tujuannya ialah memahami dan melaksanakan agama Islam sebagai yang memang ajaran yang serta dicontohkan oleh Nabi Muhammad saw, agar supaya dapat menjalani kehidupan dunia sepanjang kemauan agama Islam. Dengan demikian ajaran Islam yang suci dan benar itu dapat memberi nafas bagi kemajuan umat Islam dan bangsa Indonesia pada umumnya.” Lihat “Sejarah Muhammadiyah” laman sesawang *Muhammadiyah*, dicapai 6 mei 2013, <http://www.muhammadiyah.or.id>

<sup>5</sup> Pada 26 Desember 2004, terjadi gempa bumi kurang-lebih 150 kilometer dari lepas pantai Aceh. Akibat bencana alam ini, tidak kurang dari 132 ribu orang meninggal dan 37 ribu orang dinyatakan hilang. Pada 15 April 2005, Presiden RI menetapkan Rencana Induk Rehabilitasi dan Rekonstruksi Wilayah dan Kehidupan Masyarakat Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dan Kepulauan Nias Provinsi Sumatera Utara melalui Keputusan Presiden Nomor 30 Tahun 2005. Esok harinya, Presiden menetapkan pembentukan Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi (BRR) Wilayah dan Kehidupan Masyarakat Provinsi NAD-Nias melalui Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-Undang (Perpu) Nomor 2 Tahun 2005. Sebagai penguatan dari perpu ini, diterbitkanlah Undang-Undang Nomor 10 Tahun 2005, dan untuk organisasional juga dikeluarkan Keputusan Presiden Nomor 63 Tahun 2005 yang menetapkan keanggotaan Dewan Pengarah, Dewan Pengawas, dan Badan Pelaksana Rehabilitasi dan Rekonstruksi Nanggroe Aceh Darussalam dan Nias. Peraturan perundangan tersebut menjelaskan bahwa Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi ini terdiri atas tiga instrumen yang masing-masing memiliki peran dan tanggung jawab yang saling melengkapi.

Penganggung jawab pertama adalah Dewan Pengarah, yang bertanggung jawab memastikan bahwa aspirasi berbagai pihak yang diwakilinya menjadi acuan dalam proses rehabilitasi dan rekonstruksi. Penangngjawab kedua adalah Dewan Pengawas, yang bertanggung jawab untuk memastikan bahwa kegiatan rehabilitasi dan rekonstruksi telah berjalan secara efisien, efektif, dan sesuai dengan kebutuhan masyarakat di wilayah pasca-bencana. Instrumen ketiga adalah Badan Pelaksana, yang bertanggung jawab mengelola kegiatan rehabilitasi dan rekonstruksi di wilayah pasca-bencana. Lihat, “Badan Rehabilitasi Dan Rekonstruksi”, lama sesawang Aceh Forum, dicapai 5 mei 2013, <http://www.acehforum.or.id/archive/index.php/t-10207.html>

dan dipercayai sebagai tim monitoring pertama perdamaian antara pemerintah Indonesia-Aceh di Geneva pada tahun 2000, salah satu bukti sikap nasionalisme yang tinggi ditunjukkan oleh Daniel Djuned dan keterbukaan beliau dalam bersosialisasi dengan mengesampingkan sifat fanatik terhadap kelompok yang lain sehingga diangkat sebagai penengah dalam perdamaian di pemerintah dengan pemberontakan di Aceh.

Kecermelangan beliau tidak lepas dari guru-guru yang telah mendidik dan memberikan pandangan keilmuan yang sangat baik. Di bawah ini penulis akan menyebutkan beberapa guru-guru yang menjadikan Daniel Djuned karakter yang kuat dalam bidang hadith.

## 2.5 Guru-Guru

Guru beliau banyak sekali, dari Aceh sendiri mahupun para pengajar di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Dalam penulisannya beliau mengucapkan terima kasih kepada guru beliau iaitu Drs. Arabiy Ahmad, yang merupakan pensyarah senior IAIN al-Raniri dalam bidang studi Ilmu Hadith , *Ulūm al-Quran*, dan Filsafat Hukum Islam yang telah mengajarkan dan membimbing Daniel Djuned dalam penulisan paper kajian ilmiah (skripsi) Sarjana.<sup>6</sup> Beliau turut berguru dengan Drs M Ali Muhammad seorang pakar *Ulūm al-Ḥadīth* pada awal perkembangan IAIN al-Raniri.

Dalam pengetahuan keagamaan beliau belajar kepada Tengku Ishak Jeunib di Biereun salah satu bandar yang ada di Aceh. Tengku Ishak Jeunib adalah ulama terulung di daerahnya. Secara nasab Tengku Ishak Jeunib adalah datuk dari sebelah ibunya. Beliau salah satu guru yang memberikan pengaruhnya kepada Daniel Djuned yang sangat besar sekali.

---

<sup>6</sup> Lihat tentang penulis., Daniel Djuned, *Ilmu Hadith: Paradigma Baru dan rekonstruksi Ilmu Hadith*, (Jakarta: Erlangga, 2010).

Khusus dalam bidang hadits beliau mempunyai guru yang tersohor di Nusantara iaitu M.Q Shihab. Daniel Djuned mengatakan bahawa M.Q Shihab bukan hanya pakar dalam bidang Tafsir tetapi beliau juga menguasai ilmu hadits. Dan salah satu guru yang memberikan pengaruhnya adalah Harun Nasution sebagai penyelia Daniel Djuned dalam penulisan desertasi tentang ilmu hadits di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Adapun latar belakang guru-guru Daniel Djuned adalah sebagai berikut :

### 2.5.1 M.Q Shihab Shihab

Prof. Dr. Muhammad M.Q Shihab dilahirkan di Rappang, Sulawesi Selatan pada Februari 1944.<sup>7</sup> beliau lahir daripada keturunan keluarga berketurunan Arab yang terpelajar. Ayahnya bernama Abdurrahman Shihab (1905-1986) adalah lulusan *Jāmi'at Khaīr* Jakarta, sebuah institusi pendidikan Islam tertua di Indonesia yang mengutamakan pahaman-pahaman moden.<sup>8</sup>

Sejak kecil, M.Q Shihab telah didedahkan dan dididik oleh ayahnya sendiri untuk mencintai al-Qur'an. Ketika ia berusia enam tahun, ayahnya mewajibkannya mengikuti pengajian al-Qur'an yang diadakan oleh ayahnya sendiri. Pada waktu itu, selain memerintahkannya membaca al-Qur'an, ayahnya juga menceritakan secara ringkas kisah-kisah dalam al-Qur'an. Bermula dari sinilah, menurut M.Q Shihab, benih-benih kecintaannya terhadap kitab suci al-Qur'an.

Ayah beliau bernama Abdurrahman Shihab yang mempunyai keturunan Arab, M.Q Shihab ialah anak kelima dari dua belas adik beradik. Salah seorang abangnya yang bernama Umar Shihab menjawat sebagai Ketua Majlis Ulama Indonesia dan salah seorang adiknya yang bernama Alwi Abdurrahman Shihab, terlahir 19 ogos 1946,

---

<sup>7</sup> Quraish Shihab, *Membumikan al-Qur'an Fungsi Dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat*, c 10, (Bandung : Mizan, 1995), 71.

<sup>8</sup> Islah Gusmin, *Khazanah Tafsir Indonesia*, (Jakarta ; Penerbit Teraju, 2003), 33.

adalah bekas menteri kesejahteraan Rakyat pada kabinet Indonesia bersatu Presiden Susilo Bambang Yodhoyono.<sup>9</sup>

Aburrahman Shihab juga merupakan seorang tokoh pendidikan yang terkenal baik formal mahupun informal. Secara formal, selain menjadi guru besar yang ahli dalam bidang tafsir, beliau juga banyak terlibat dalam mengurus proses pengembangan pendidikan seperti beliau menjawat sebagai canselor IAIN (Institut Agama Islam Negeri) Alauddin, Ujung Pandang, Provinsi Sulawesi Selatan pada tahun 1972-1977).<sup>10</sup>

Secara informal, Abdurrahman Shihab seringkali berdakwah, menyampaikan kajian keislaman di masjid-masjid. Beliau juga mendorong kemajuan pendidikan Islam di Sulawesi Selatan. Selain menyumbangkan buku-buku keislaman, beliau juga suka memberi bantuan dalam bentuk kewangan kepada lembaga-lembaga pendidikan Islam.<sup>11</sup> Kecintaan Abdurrahman Shihab terhadap ilmu dan sebagai seorang ahli tafsir diikuti dan diwarisi oleh anaknya iaitu M.Q Shihab. Pada ketika itu, sang ayah memberikan banyak nasihat dan galakan serta motivasi untuk belajar bersama. secara langsung, M.Q Shihab mendapatkan ilmu keagamaan daripada ayahnya.<sup>12</sup>

Dalam latar belakang pendidikannya, ia menyelesaikan pendidikan dasarnya di Ujung Pandang. M.Q Shihab melanjutkan pendidikan menengahnya di Malang, Jawa Timur, sekaligus mendalami ilmu agama di pondok pesantren *Dār Ḥadīth al Faqhīyyah*. Di pondok ini merupakan satu-satunya sekolah pondok yang pernah dimasukinya.<sup>13</sup> Menurut pengakuan beliau, di pondok ini beliau menemukan seorang

---

<sup>9</sup> Miftahuddin bin Kamil, *Tafsir al Misbāh* Karangan Prof. Dr Muhammad Quraish Shihab : *Kajian dari Segi Metodologi*, (Desertasi, Jabatan al-Qur'an dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 27.

<sup>10</sup> Fauzi Deraman et.al, *M Quraish Shihab dan Sumbangannya Dalam Tafsir Melayu Nusantara*, (Seminar Warisan Al-Qur'an dan Hadith Nusantara, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 8.

<sup>11</sup> Madrasah Jurnal Komunikasi Dunia Perguruan, Vol 5, no.1, 2001, h.26

<sup>12</sup> Muhammad Quraish Shihab, *Membumikan al-Qur'an*, ii.

<sup>13</sup> *Ibid.*, 431-432.

guru yang beliau sangat kagumi bernama Ḥabīb al-Abdūl Qadīr bin Ahmad Bin Faqīh (w.1962 M)<sup>14</sup>

Kemudian pada tahun 1958 ketika berusia empat belas tahun, M.Q Shihab berangkat ke Mesir untuk melanjutkan pendidikan universiti Islam terbesar ini, atas bantuan dari pada Departemen Agama Republik Indonesia yang pada saat itu memberikan beasiswa kepada beberapa pelajar dari setiap negeri di Indonesia. M.Q Shihab terpilih setelah mengikuti seleksi mewakili provinsi Sulawesi Selatan.<sup>15</sup>

Karya-karya penulisan M.Q Shihab lebih kepada tafsir dan *ulūm al Qur'an*. sebagian diantaranya, *Tafsir al-Qur'an al Karīm*, *Tafsir Surat-Surat Pendek Berdasarkan Urutan Turunnya Wahyu* dan *Tafsir al-Misbāh*.<sup>16</sup> Dan karya yang terbesar adalah *Tafsir al-Misbāh* yang dituliskan pada 18 Jun 1999 di Kaherah, Mesir. pada saat itu beliau menjawat sebagai Duta Besar Negara Republik Indonesia untuk Mesir.<sup>17</sup>

M.Q Shihab dalam menjelaskan al-Quran dalam tafsir *al Mishbāh* ialah dengan menggunakan *al Ḥadīth al Annabawī*. Hadith-Hadith ini digunakan untuk menjelaskan dan menguatkan makna ayat atau dijadikan sebagai penguat pernyataan. Dan terkadang pula sebagai penguat hujah yang dikemukakan oleh M.Q Shihab.<sup>18</sup>

Meskipun demikian, pengambilan hadith dalam penafsiran al-Quran tidak semuanya *maqbul* (sahih atau hasan) tetapi ada juga sebahagian yang *mardūd* (*da'if* dan *mawdū'*). Menurut kajian Parlindungan Simbolon terhadap Tafsir *al Mishbāh* dalam

---

<sup>14</sup> Dilahirkan di Tahrīm Hadramaut, Yaman pada 15 Safar tahun 1316 H dan wafat 21 Jumadil Akhir 1382 H. Menurut Quraish Shihab beliau adalah ulama besar yang sangat luas wawasannya dan selalu menanamkan pada santri-santrinya sifat rendah hati, toleransi dan cinta kepada ahlu bait. Keluasan wawasan menjadikan beliau tidak fanatik (*ta'āsub* kepada suatu pendapat. Lihat : Muhammad Quraish Shihab, *Sunnah Syīah Bergandengan Tangan ! Mungkinkah ?*, c.2 (Jakarta : Lentera Hati, 2007), 3.

<sup>15</sup> Miftahuddin Bin Kamil, *Tafsir Al Mishbah*, 28.

<sup>16</sup> Muhammad Quraish Shihab, *Tafsir al Mishbāh*, c.5, j.1 (Jakarta: Lentera Hati, 2005), 7.

<sup>17</sup> Muhammad Quraish Shihab, *Tafsir al Mishbāh*, xiii. lihat juga Islah Gusman, *Khazanah Tafsir Indonesia*, ( Jakarta: Penerbit Teraju, 2002 ), 80.

<sup>18</sup> Parlindungan Simbolon, *Metodologi Penulisan Hadith Dalam Tafsir Bahasa Melayu: Kajian Perbandingan Antara Tafsir al Mishbāh Dan Tafsir Pedoman Muttaqīn*, (Desertasi, Jabatan Al-Quran Dan al Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 49-50.

skop Surah al-Baqarah, hadith maqbul sebanyak 84,5 % (sahih : 33 hadith= 82%), hasan: 1 hadith= 2.5 %) manakala hadith mardud 15,5 % (Daif : 5 hadith=13% mawdu' 1 hadith=2.5%).<sup>19</sup>

### 2.5.2 Harun Nasution

Prof. Harun Nasution, sosok pemikir yang dikenal luas, didalam maupun luar negeri itu. Dilahirkan di Pematangsiantar, Sumatera Utara, 23 September 1919, sejak kecil Harun dikenal gemar mendalami ilmu. Sementara semangatnya mencari ilmu menjadi penyokong utama hidupnya. Bahkan di usianya yang setengah abad, ia belum punya rumah justru karena kecintaannya mendalami ilmu di negeri orang.<sup>20</sup>

Putra dari Abdul Jabbar Ahmad, seorang pedagang asal Mandailing dan qadhi (penghulu) pada masa pemerintahan Belanda di Kabupaten Simalungun, Pematang Siantar. Ayah Harun juga seorang ulama yang menguasai kitab-kitab jawi dan suka membaca kitab kuning berbahasa Melayu. Sedangkan, ibunya seorang boru Mandailing Tapanuli, namanya Maimunah. Beliau keturunan seorang ulama, pernah bermukim di Mekkah, dan mengikuti beberapa kegiatan di Masjidil Haram. Karena itu ibunya sedikit sebanyak dapat berbahasa arab, mengenal Masjidil Haram serta kegiatannya.<sup>21</sup> Ayah dan ibunya sebenarnya satu marga, yang dalam adat Mandailing dilarang berkahwin satu marga. Namun ayah mengetahui, bahawa agama membolehkannya. Ayahnya mengkahwini ibunya dengan menentang adat. Maka orang sekampung marah. Ayahnya harus membayar denda dengan memotong kerbau dan sebagainya. Lalu ayahnya pindah

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, 113

<sup>20</sup> Zaid Hamdani, *Epistimologi Hukum Islam Mengikut Pandangan Harun Nasution*, (Desertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 87.

<sup>21</sup> Pemikiran Prof. Dr. Harun nasution, laman sesawang *scribd*, dicapai 6 mei 2013, <http://www.scribd.com>

tempat tinggal, pergi ke Pematang Siantar. Dan di kota baru itulah Harun Nasution dilahirkan.<sup>22</sup>

Harun Nasution memulai pendidikannya di sekolah Belanda, Hollandsch Inlandche School (HIS) pada waktu berumur 7 tahun. Selama tujuh tahun, Harun belajar bahasa Belanda dan ilmu pengetahuan umum di HIS itu. Dia berada dalam lingkungan disiplin yang ketat. Di lingkungan keluarga, Harun memulai pendidikan agama dari lingkungan keluarganya dengan belajar mengaji, salat dan ibadah lainnya selama 7 tahun ia belajar di HIS dan tamat pada tahun 1934 ketika berumur 14 tahun. Pelajaran yang disenanginya adalah ilmu pengetahuan alam dan sejarah. Harun melanjutkan pendidikan ke sekolah agama yang bersemangat moden *Moderne Islamietische Kweekschool (MIK)*.<sup>23</sup> Namun kondisi MIK pada masa itu sangat miskin. Tidak dapat membayar gaji gurunya. Akibatnya betapapun rajinnya siswa belajar, namun mereka tetap tidak dapat bersekolah dengan baik. Setelah tamat sekolah di MIK tahun 1937, ternyata sikap keberagamaan Harun mulai tampak berbeza dengan sikap keberagamaan yang selama ini dijalankan oleh orang tuanya, termasuk lingkungan kampungnya. Harun bersikap rasional sedang orang tua dan lingkungannya bersikap tradisional. Kemudian keinginan Harun untuk melanjutkan ke H.I.K, sekolah Guru Muhammadiyah Solo. Rupanya orang tuanya tidak merestui untuk bersekolah di H.I.K. tetapi orang tuanya merencanakannya pergi ke Makkah agar jadi lebih lurus.<sup>24</sup>

Tibalah ia di Makkah ia langsung mencari sekolah. Semua sekolah berbahasa Arab, sedangkan kemampuannya berbahasa Arab sangat kurang. Kemudian harun mencari guru bahasa Arab. Tetapi tidak ada guru untuk belajar bahasa Arab. Baginya pengetahuan agama yang dimilikinya masih rendah, lantas ia merasa Makkah adalah

---

<sup>22</sup> Zaid Hamdani, *Epistimologi Hukum Islam*, 88.

<sup>23</sup> "Pemikiran Prof. Dr Harun Nasution", laman sesawang scribd, dicapai 7 mei 2013, <http://scribd/doc/19682920/Harun-Nasution-Teologi-Pembaharuan>.

<sup>24</sup> Zaid Hamdani, *Epistimologi Hukum Islam*, 91.

tempat yang tidak sesuai untuk belajar dengan baik. Kemudian Harun mengirim surat kepada orang tuanya tentang keberatan melanjutkan studinya di Makkah dan beliau menginginkan untuk belajar di Mesir. Barulah orang tuanya menyetujui.<sup>25</sup>

Harun tiba di Mesir pada tahun 1938. Beliau melanjutkan studinya di Universitas al-Azhar di Fakultas Usuluddin hanya 2 tahun karena ia kurang senang dengan sistem pengajaran al-Azhar yang klasik dan mengandalkan hafalan, kemudian ia pindah ke Universitas Amerika di Cairo (AUC), yang menurutnya mengagumkan dalam metode pengajaran dan sistem yang digunakan hingga sarjana muda. Kemudian atas bantuan Prof. Dr H. M Rasyidi beliau mampu melanjutkan pendidikan di Universiti Mc. Gill, Kanada. Dengan harapan agar Harun Nasution menjadi Mahasiswa yang kritis dan cerdas terhadap apa yang ia terima dari kaum orientalis namun yang terjadi sebaliknya Harun justru menjadi murid yang terpengaruh dengan pemikiran dan metode kaum orientalis dan sangat kagum dan memuja mereka. Ketika kembali ke Indonesia ia membawa dan menebarkan pemikiran kaum orientalis. Ia meninggalkan beberapa karya tulis yang pada umumnya membahas masalah filsafat, rasionalis, dan tasawuf, sementara semua hasil karyanya tidak lepas dari syubhat dan kesesatan sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Prof. Dr. Rasyidi dalam bukunya.<sup>26</sup>

Pada 1965, Harun memperoleh gelar Pascasiswazah dari universiti tersebut dengan judul disertasi yang masih dekat dengan sejarah tanah airnya: *The Islamic State in Indonesia: The Rise of The Ideology, The Movement for Its Creation and the Theory of the Masjumi*. Tiga tahun berikutnya (1968), ia memperoleh gelar Doktor (PhD) dalam bidang studi Islam pada universiti yang sama, dengan disertasi *The Place of Reason in 'Abduh's Theology: Its Impact on His Theological System and Views*. Setahun kemudian (1969), ia kembali ke Indonesia. Berbagai jawatan pernah beliau duduki, baik

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, 92.

<sup>26</sup> Zaenal Abidin Syamsuddin, *Ensiklopedi Penghujatan Terhadap Sunah*, cet. I, (Jakarta: Pustaka Imam Abu Hanifah, 1999), 399-401.

akademik maupun pemerintahan.<sup>27</sup> pada tahun 1973, Harun Nasution ditunjuk sebagai rektor di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta, menandai pembaharuan dan menumbuhkan pengaruh-pengaruh pemikiran liberal ala mu'tazilah.<sup>28</sup>

Harun Nasution tergolong pemikir dan penulis produktif. Sedikitnya telah tujuh buku ia tulis. Sebahagian diantara, *Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*, tujuan penulisan karya ini agar umat Islam bersikap moderat setelah melihat agama Muhammad ini dari berbagai aspeknya). karya lainnya, *Filsafat Agama, Filsafat dan Mistisisme dalam Islam, Teologi Islam: Aliran-Aliran, Sejarah, Analisa dan Perbandingan*, adalah karya yang sengaja ia tulis dalam memperkenalkan filsafat ke khalayak ramai dengan bahasa yang mudah dipahami. dan *Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan/ serta Akal dan Wahyu dalam Islam*.<sup>29</sup>

## 2.6 Karya-Karya Yang Dihasilkan Daniel Djuned

Dalam Penulisan karya beliau boleh dikatakan bukan tokoh yang profilik, lebih sedikit dalam penulisan karya berbanding ulama yang lainnya. Beliau hanya menuliskan tiga karya yang terbit secara luas di Indonesia.

Diantara karya penulisan beliau adalah sebagai berikut :

1. Paradigma Baru Studi Ilmu Hadith : Rekonstruksi Fiqh hadith.
2. Validitas Hadith Riwayat Imam Syafi'i (Suatu Telaah Terhadap Hadith-Hadith Dalam Kitab al-Risalah Imam Syafi'i ).
3. Antropologi Al-Qur'an.

Dari temu bual penulis kepada murid beliau iaitu Salman Abdul Muthalib sebab-sebab kurangnya beliau dalam penulisan karya disebabkan sumber daya yang terbatas

---

<sup>27</sup> Zaid Hamdani, *Epistimologi Hukum Islam*, 100.

<sup>28</sup> Syamsuddin Arif, *Orientalis dan Diabolisme Pemikiran*, cet I, (Jakarta: Gema Insani, 2008), 98.

<sup>29</sup> *Ibid.*

untuk menuliskan sebuah kitab. Bukan beliau sahaja yang kurang produktif tetapi hampir semua pakar-pakar ilmu agama yang lain mengalami keadaan yang sama.<sup>30</sup> Selain itu kerana di Aceh kurang mendukung dari segi media dalam membantu penulisannya dibandingkan di pusat (Jakarta).<sup>31</sup>

Tetapi disamping penulisan karya beliau tetap aktif dalam penulisan karya ilmiah. Beliau banyak menterjemahkan beberapa buku bahasa Arab kedalam bahasa Indonesia dan kitab sya'ir bahasa melayu kuno kedalam bahasa Indonesia. beliau termasuk salah seorang penulis entri untuk buku ensiklopedi Islam terbitan depertemen Agama Republik Indonesia. Beliau juga produktif dalam menghasilkan beberapa karya ilmiah khususnya dalam Bidang Tafsir, hadith, Fiqh dan masalah-masalah sosial keagamaan lainnya, baik dalam bentuk buku, artikel, rubrik, makalah, baik untuk dipublikasikan maupun untuk dipresentasikan dalam berbagai seminar regional dan nasional bahkan internasional, serta dimuat dalam berbagai akhbar dan jurnal ilmiah seperti Harian Umum Serambi Indonesia, Aceh Expres, Mimbar Hukum (Jakarta), Jurnal al-Raniri, Media syariah, Subtansiah, dan lain-lain.<sup>32</sup>

## **2.7 Kematian**

Sebelum beliau dipanggil Allah SWT, tepatnya pada tahun 2009 terjadi kemalangan. Ketika itu perjalanan ke arah Takengon, Aceh Selatan. Perjalanannya selama tujuh jam dari Banda Aceh. Selama perjalanan beliau supir sendiri. Dan ketika perjalanan tersebut terjadilah insiden kemalangan yang sempat tak sadarkan diri. Sejak itu kesihatan beliau mulai menurun tetapi beliau tetap berjalan aktivitiya dengan

---

<sup>30</sup> Salman Abdul Muthalib, (Murid Daniel Djuned dan Pensyarah ilmu hadith di IAIN al-Raniri) Dalam Temubual dengan Penulis, 7 Februari 2012

<sup>31</sup> Abdul Wahid MA (Murid Daniel Djuned dan ketua Jurusan Tafsir-Hadith dan Pensyarah Ilmu Hadith di IAIN al-Raniri) Dalam Temubual dengan Penulis, 31 Januari 2012

<sup>32</sup> Daniel Djuned, *Paradigma Baru Studi Ilmu Hadith : Rekonstruksi Fiqh Hadith*, (Aceh: Citra Karya, 2002) biografi. Lihat juga, M.Dzulkifli, *Pemikiran Hadith Prof. Dr Daniel Djuned MA*, laman sesawang *Ushuluddin UIA SUSKA*, dicapai 6 mei 2013, <http://ushuluddinuinsuska.blogspot.com/2012/01/pemikiran-hadits-prof-dr-h-daniel.html>

mengajarnya walaupun keadaan beliau sudah tidak sesihat sebelum terjadi kemalangan.<sup>33</sup>

Daniel Djuned terkena serangan stroke dilarikan ke rumah sakit awam (RSU) Meuraksa pada tanggal 18 Agustus 2010, Pukul 6 petang. Namun, Allah berkehendak lain, pada tanggal 19 agustus 2010 pukul 09.45 malam seorang pakar hadith di Aceh meninggal dunia. Oleh keluarga, Beliau di makamkan dibelakang rumahnya sendiri di Desa Tanjung Selamat tepat disamping putranya yang telah meninggal terlebih dahulu.

Sejak itu, diseluruh media cetak khususnya di Aceh merasa kehilangan ketokohan beliau dengan menuliskan, "pakar hadith telah meninggal".<sup>34</sup> Semoga beliau diterima di sisiNya. Amin

## **2.8 Kesimpulan**

Nama penuh beliau iaitu Prof. Dr. Teuku Daniel Djuned, M.A. Beliau dilahirkan pada bulan jun 1954 di Sawang II, Kecamatan Sawang, Kabupaten Aceh Selatan, Provinsi Aceh. Beliau membesar dikawasan kampung sama seperti kanak-kanak lain dibawah jagaan ibu bapa beliau.<sup>35</sup>

Kedua-dua ibu dan bapa beliau mempunyai keturunan yang berbeza. Bapanya bernama Djuned keturunan dari Arab kerana datuknya yang bernama Teuku Djuned Puteh berasal dari Arab dan ibunya Syarifah keturunan dari India. Semua keturunan dari adik beradik beliau terdapat nama Djuned dibelakangnya. Datuk dari ibunya Syarifah bernama Tengku Ishak Jeunib di Biereun adalah seorang tokoh yang sangat mashur di daerahnya. Daniel Djuned merupakan anak sulung daripada 8 adik beradik

---

<sup>33</sup> Muslim Ibrahim (Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh) dalam temubual bersama penulis, 5-februari-2012

<sup>34</sup> "Prof Dr Daniel Djuned Meninggal Dunia" dalam <http://serambinews.net> 4, "Perginya Sang Ahli Hadith" dalam <http://acehoase.blogspot.com>

<sup>35</sup> Nurbiyati (Istri), dalam temubual dengan penulis, 30 Januari 2012

Dari Aspek kepribadian, beliau adalah seorang yang sederhana berwibawa dan mempunyai sifat kejenakaan, tidak pendendam, dan sangat terbuka kepada siapa pun ketegasan dan keberanian Daniel Djuned dalam membuat keputusan membuat beliau semakin disegani. Tidak fanatik terhadap kelompok-kelompok yang ikutinya.

Pendidikan formal ditempuhnya di Madrasah Ibtidaiyah dilanjutkan sekolah di Madrasah Negeri Setingkat Menengah. Dilanjutkan ke Pendidikan Guru Agama (PGA) selama tiga tahun. Setelah menyelesaikan pendidikan guru agama Daniel Djuned melanjutkan Kuliahnya di IAIN al-Raniri, Aceh. Daniel Djuned menyelesaikan pendidikan siswazahnya pada tahun 1981 dan terus melanjutkan pascasiswazah di IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta. Dalam pembelajaran keagamaan Daniel Djuned tidak pernah merasakan pondok atau institusi pendidikan Islam, ini kerana cukup dari didikan orang tuanya yang berasal dari Arab dan India.

Daniel Djuned mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang keilmuan Islam khususnya dalam bidang hadith. Terlihat ketokohan beliau yang menyerlah pada masa ini ketika ketokohnya dalam bidang hadith lebih menonjol dibandingkan dengan disiplin ilmu lainnya. Dengan pelbagai kehidupannya yang sangat sederhana sehingga melahirkan tekad yang tinggi dalam mewujudkan impiannya iaitu menjaga keberadaan hadith di masa dewasa ini. Hal ini ditambahkan lagi dengan keterlibatan beliau dalam aktiviti pengajaran hadith atau ilmu hadith lebih signifikan dan terserlah. Meskipun karya dalam bidang hadith tidak banyak tetapi tidak menjejaskan kehebatannya, justeru pengajaran dan pengajian hadith yang dijalankannya memberikan pengaruh yang sangat besar bagi masyarakat. Dengan itu mereka memberikan gelar pakar hadith pada abad ini.